



hun 3 Bilangan 20.

1 December, 1958.

LANGKAH MENJAMIN KEMA'MORAN.

UNTOK menjamin kebahagiaan ra'-
ayat Negeri Brunei di-masa
yang akan datang Duli Yang
Maha Mulia Al-Sultan dengan
persetujuan Majlis Meshuarat

Negeri telah berkenan memberi pinjaman wang sa-banyak \$100,000,000
kapada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan tiga kali bayaran
mulai dalam bulan April, 1959.

Pinjaman itu akan di-kenakan faedah atas kadar yang, jika di-
hitong panjang, memberi keuntongan sa-banyak \$4,000,000 sa-tahun
sa-lama tiga puluh tahun, ia-itu tarikh Kerajaan Persekutuan Tanah
Melayu mengaku membayar balek wang itu kapada Kerajaan Brunei.

Dengan meminjamkan wang itu dari tabong simpanan-nya Kerajaan
Brunei akan menerima keuntongan sa-banyak \$23 juta sa-tahun kerana
dari sa-banyak hampir \$500,000,000 yang sudah pun di-pinjamkan ke-
untongan yang di-dapati oleh negeri ini berjumlah lebeh kurang
\$19,000,000 sa-tahun.

Langkah menanam wang di-luar negeri bagi mendapatkan faedah-nya
telah di-ambil oleh sebab minyak yang sekarang ini di-dapati dari
kawasan minyak Seria itu mungkin berhenti mengalir dan yang demikian
tidak mendatangkan hasil lagi.

Apabila tiba hari itu Brunei akan terpaksa bergantung pada hasil2
lain yang berjumlah hanya \$15 juta sahaja sa-tahun sa-telah di-tolak
hasil dari minyak dan keuntongan dari penanaman wang, pada hal per-
belanjaan pemerentahan yang berjumlah lebeh \$34,000,000 sa-tahun itu
tidak termasuk perbelanjaan khas kerana membena jalan2 raya baharu
dan lain2 kemudahan untok ra'ayat.

Hendak-lah juga di-ingati bahawa apabila perusahaan minyak di-
Seria itu berhenti, hasil2 lain akan turut susut kerana kegunaan
barang2 luar yang di-perlukan oleh perusahaan itu akan bertambah
kurang pula. Akibat-nya ia-lah peredaran wang akan bertambah ketat
dan akhir-nya urusan perniagaan dan perusahaan akan terbatas dan
tidak menjamin kema'moran negeri.

Dengan menganggao kemungkinan perkara2 itu berlaku, Duli Yang

—ANTARA KANDONGAN-NYA—

- * Laporan atas pinjaman \$100 juta
- * Rancangan jambatan2 baharu
- * Kolej Islam Brunei
- * Ubat penyakit lumpoh
- * Lawatan pakar perubatan
dll.

JAMBATAN2 BAHARU MENDERASKAN PERHUBONGAN.

MFNJELANG pertengahan bulan ini lalu lintas di-antara Bandar Brunei dengan Seria dan Kuala Belait tidak lagi memerlukan ferry kerana jambatan baharu yang merintang Sungai Tutong itu akan siap di-bena.

Jambatan yang 420 kaki panjang itu sama bentuk-nya dengan jambatan Telamba yang baharu sahaja siap pembenaan-nya. Jambatan Telamba itu 390 kaki panjang-nya.

Jambatan2 itu ia-lah di-antara empat buah jambatan besar yang di-bena oleh kerajaan di-bawah rancangan jambatan yang memakan belanja sa-banyak \$2,219,000.

Jambatan Clifford yang merintang Sungai Kedayan sa-bagai ganti jambatan lama yang sempit dan berhampiran di-situ dan jambatan Gadong Estate sedang di-bena dan akan siap pada awal tahun hadapan.

Pembinaan jambatan2 itu telah di-mulakan dalam bulan January 1957. Kayu2 lantak-nya telah di-tanam oleh sa-orang pemborong Melayu, Inche Abdul Rahman bin Yusof dari Kampong Ayer, Bandar Brunei. Sa-belum itu Inche Abdul Rahman telah memenangi tawaran tender menanam kayu2 lantak tapak masjid baharu Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei.

Ketua Pejabat Kerja Raya Brunei, Tuan G.T. Myles berkata bahawa pembukaan jambatan2 Tutong dan Telamba itu akan memendekkan masa perjalanan di-antara Bandar Brunei dengan KualaBelait.

"Pada masa ini kereta kadang2 terpaksa menunggu giliran menyeberang dengan ferry di-Danau itu sa-hingga tiga jam lebih lama-nya pada hal perjalanan dari Brunei ka-Seria dan Kuala Belait itu mengambil masa dalam satu jam sa-tengah sahaja dengan kereta," kata Tuan Myles.

Bentuk ke-empat2 buah jambatan itu telah di-reka oleh sharikat kejuruteraan Steen Schested dari Singapura dan di-bena oleh sharikat pemborong Chun Yip di-bawah penyeliaan jurutera2 Pejabat Kerja Raya Brunei.

.....

JALAN2 RAYA SATU ARAH.

Beberapa batang jalan2 raya di-Kuala Belait dan Seria telah di-ishtiharkan menjadi jalan2 satu arah oleh Pengawal Kenderaan Darat Brunei, Tuan K.S.Leeston-Smith.

Dalam pengumuman yang di-keluarkan di-bawah Undang2 Lalu Lintas Jalan Raya 1954, Tuan Leeston-Smith telah memberi kuasa kepada Setiausaha Majlis Municipal, Kuala Belait dan Seria meletakkan kenyataan2 "Tidak Boleh Masok" (No Entry) di-simpang2 jalan yang berikut:

Bandar Kuala Belait - Di-simpang jalan belakang kedai2 No.1-30 dengan Jalan Bunga Raya. Di-simpang ketiga2 batang jalan kecil yang bertemu dengan jalan kecil dari Jalan McKerron.

Bandar Seria - Di-simpang jalan kecil di-belakang kedai2 No.21-40 dengan jalan Bunga Melor. Di-simpang jalan kecil ka-pasar sayur dan lot2 No.2655 dan 2654 dengan Jalan Bunga Kemantin.

Di-simpang jalan di-antara kedai2 No.L hingga No.L7 dan lot No. 2653 dengan Jalan Bunga Kemantian.

Pengawal Kenderaan Darat itu telah juga mengumumkan bahawa kereta2 tidak boleh di-tinggalkan di-belakang kedai2 No.1-20 di-Bandar Seria di-sabelah barat jalan kecil.

Beliau telah memberi kuasa kepada Setiausaha Majlis meletakkan kenyataan "Tidak di-benarkan menaruh kereta" di-tiap2 penjuru sa-belah barat yang bertemu dengan Jalan Bunga Melor dan Jalan Bunga Kuning di-Bandar Seria.


WAKIL2 DI-RUNDINGAN PINJAMAN \$100 JUTA DARI BRUNEI.



DULI Yang Maha Mulia kelihatan di-kepala meja di-Pejabat Baginda di-Istana Darul Hana, Bandar Brunei sa-jurus sa-belum rundingan permulaan atas permohonan Persekutuan Tanah Melayu hendak meminjam \$100 juta di-jalankan di-antara wakil2 Negeri Brunei dengan rombongan perwakilan dari Persekutuan.

Dalam perundingan itu Duli Yang Maha Mulia telah di-bantu oleh penasehat2 Baginda yang kanan ia-itu, dari kiri: Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Jahfar, Yang Berhormat Tuan W.E. Cousens, Bendahari Kerajaan Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan Yang Berhormat Tuan D.C. White, British Resident, Brunei.

Wakil2 Persekutuan terdiri dari Timbalan Perdana Menteri, Dato Paduka Abdul Razak bin Hussein (di-kiri Baginda), Menteri Kewangan Sir Henry Nau-shik Lee dan Jurukira Negara, Tuan C.E. Gascoigne. Wanita di-kanan sa-kali itu ia-lah Puan Cosgrave, Setiausaha Sulit Menteri Kewangan Persekutuan.



Rundingan itu telah di-mulakan pada pukul 9.00 pagi hari Ahad 16 November dan tamat dua jam kemudian-nya.

Keputusan perundingan itu telah di-luluskan oleh Majlis Mesuarat Negeri dalam persidangan khas-nya pada sa-belah petang hari itu.

.....

JAMBATAN baharu Telamba (kiri) yang telah siap di-bena dalam bulan lepas ia-lah satu dari tiga buah jambatan besar di-antara Bandar Brunei dengan Seria dan Kuala Belait.

Jambatan ini sa-rupa bentok-nya dengan Jambatan Tutong yang akan siap dalam pertengahan bulan ini.

Jambatan2 itu di-bena di-bawah rancangan jambatan yang memakan belanja sa-banyak \$2,219,000.00.

MASJID LAMBANG PERPADUAN RA'AYAT.

YANG Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Haji M^ohamed Alam, Ketua Jabatan Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri Brunei, telah berangkat ka-Kampung Panchor Murai, Daerah Brunei pada 21 N^ovember lepas sa-bagai wakil Duli Yang Maha Mulia kerana mengishtiarkan pembukaan rasmi masjid baharu di-kampung itu.

Bangunan masjid yang berharga lebih \$5,000 itu telah di-dirikan dengan derma daripada penduduk2 kampung tersebut, terutama-nya derma daripada Tuan Haji M^urah.

Duli Pengiran Pemancha telah menyatakan dalam ucapan-nya bahwa Duli Yang Maha Mulia tidak dapat berangkat ka-Panchor Murai disebabkan Baginda telah membuat keputusan terlebih dahulu untuk menunaikan suatu kewajiban yang lain pada hari itu.

Walau pun demikian Baginda telah mengucapkan tahniah kepada penduduk2 kampung Panchor Murai atas kerjasama mereka membangunkan masjid baharu itu. Baginda berharap perpaduan yang baik di-antara mereka itu akan kekal sa-lama2-nya.

Inche M^anggong bin Jambul bagi pehak penduduk2 kampung tersebut telah mengucapkan junjong kaseh mereka dan beliau berharap semoga masjid itu akan menjadi tempat ibadat Islam yang sa-benar2-nya di-kampung itu.

Sembahyang Juma'at yang julong kali-nya di-masjid itu telah di-dirikan sa-lepas pembukaan-nya dengan Tuan Haji Juma'at bin H. Mura menjadi Imam.

Para hadhirin antara-nya Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad bin Daud, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, telah di-raikan dengan jamuan makan oleh Tuan Haji Mura sa-telah sembahyang Juma'at.

.....

LAWATAN PENASIHAT PERUBATAN TANAH JAJAHAN.

Dr. J.R.C. Buchanan, Timbalan Ketua Penasihat Perubatan di-Peja Tanah Jajahan, London, telah sampai di-Brunei pada 25 November dengan kapal terbang dari Jesselton kerana melawat sa-lama empat hari.

Beliau telah di-sambut di-lapangan terbang Brunei oleh Pegawai Perubatan Negeri Brunei, Dr. M.T. Read.

Dr. Buchanan telah singgah di-Brunei dalam lawatan-nya ka-beberapa buah negeri di-Tenggara Asia kerana hendak melihat sendiri perkembangan perkhidmatan perubatan di-negeri2 itu. Jika di-perluk beliau akan memberi nasihat atas kemajuan perubatan.

Dr. Buchanan telah berlepas ka-Sibu, Sarawak, dengan kapal terbang pada 29 N^ovember.

.....

UBAT PENCHEGAH PENYAKIT LUMPOH.

Bekalan ubat chuchok mencheгах penyakit lumpoh atau Salk vaccin sekarang ini boleh di-dapati di-rumah2 sakit kerajaan di-Bandar Brunei dan Kuala Belait.

Bayaran yang di-kenakan kepada orang ramai ia-lah \$10 untuk tiga kali chuchok, tetapi kaki tangan kerajaan dan keluarga mereka akan di-beri ubat itu dengan perchuma.

Penyakit lumpoh itu jarang2 di-dapati di-Borneo. Ia-nya biasa di-bawa oleh orang2 Eropah dan orang2 bangsa lain yang datang dari seberang laut.

JADUAL LAWATAN DUKE KA-BRUNEI.

Yang Amat Mulia Duke of Edinburgh, suami Baginda Queen, akan melawat ka-Brunei pada 28 February tahun hadapan. Beliau akan sampai dengan kapal terbang di-lapangan terbang Anduki pada pukul 9.20 pagi dari Sarawak.

Dari Anduki Yang Amat Mulia itu akan di-iringi melawat kawasan Padang Minyak Seria.

Dalam ranchangan sambutan, murid2 sekolah akan mengadakan satu perbarisan di-padang Club Seria dansa-lepas memereka perbarisan itu Yang Amat Mulia akan hadir dalam majlis ramah tamah di-Penaga Club.

Yang Amat Mulia itu akan santap tengah hari di-rumah Managing Director, syarikat Brunei Shell Petroleum Company di-Seria.

Yang Amat Mulia itu di-jadualkan untuk sampai di-lapangan terbang Berakas, Brunei pada pukul 3 petang dan akan di-alu2kan oleh Duli Yang Maha Mulia sendiri. Di-lapangan terbang Yang Amat Mulia itu akan memereksa satu perbarisan kehormatan dan kemudian-nya berkenalan dengan ahli2 Majlis Meskuarat Negeri.

Dengan di-iringi oleh Duli Yang Maha Mulia, Yang Amat Mulia Duke akan berangkat ka-Istana Darul Hana.

Di-Istana akan di-adakan istiadat perhiasan dan anugerah persembahan kepada keluarga Diraja.

Dari Istana Yang Amat Mulia Duke akan berangkat ka-Residency, rumah British Resident Brunei untuk bersama dalam majlis garden party.

Beliau akan santap di-Istana Darul Hana bersama Duli Yang Maha Mulia yang akan mengadakan Majlis Jamuan Negara pada malam itu.

Sambil Yang Amat Mulia itu santap, orang ramai akan di-ra'ikan dengan berbagai2 permainan dan bunga api di-Bandar Brunei.

Lawatan Yang Amat Mulia ka-Brunei akan tamat pada pukul 9 pagi hari keesokan-nya apabila beliau berangkat dengan kapal terbang ka-Borneo Utara.

Buku peringatan ranchangan lawatan Yang Amat Mulia Duke akan diterbitkan oleh Jawatan Kuasa Agong Lawatan Duke of Edinburgh ka-Brunei untuk di-odarkan kepada orang ramai.

Jawatan Kuasa Agong itu terdiri dari delepan orang ahli ia-itu, Yang Berhormat Tuan D.C. White (pengerusi), Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Jahfar, Tuan K.S. Leeston-Smith, Tuan John Duclos, Yang Berhormat Tuan George Newn Ah Foott, Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusuf, Tuan M.A. Woolcombe, Tuan G.T. Myles dan Tuan A.W. Glass (setia usaha).

.....

Talipon wireless di-kapal2 kerajaan.

Kapal2 Kerajaan Brunei yang bernama Bolkihah, Sultan dan Muara itu akan di-lengkapkan dengan talipon wireless untuk menyenangkan perhubungan di-antara kapal2 tersebut dengan darat tidak lama lagi.

Kelengkapan2 talipon wireless itu ia-lah yang paling baharu dan moden sa-kali dan akan di-pasang sa-belum penghujung bulan ini.

.....

Jumlah derma kenangan perang yang di-dapati di-Negeri Brunei tahun ini ia-lah \$4,746.58 - \$1,493.93 daripada para dermawan Daerah Brunei dan \$3,252.65 dari Daerah Kuala Belait/Seria.

6 -
BAYARAN SARA HIDUP KAPADA RA'AYAT.

SA-RAMAI 3,098 orang telah di-daftarkan dan di-beri sara hidup oleh Kerajaan Negeri Brunei di-bawah ranchangan penchen bagi orang2 tua, buta dan orang2 yang menghidap penyakit kusta dan otak.

Sa-bahagian besar dari bilangan orang2 yang mendapat sara hidup sa-banyak \$20 sa-bulan itu ia-lah orang2 tua yang telah berumur lebih dari 60 tahun.

Bilangan orang buta yang telah di-daftarkan dan di-beri sara hidup itu ia-lah 63 orang. Orang yang menghidap penyakit otak sa-orang dan penyakit kusta sa-orang.

Menurut ranchangan penchen itu sara hidup ada-lah juga di-bayar kapada orang2 yang menjadi tanggungan mereka yang mendapat penchen itu, tetapi, kata juruchakap Pejabat Penchen, Brunei, bayaran belum lagi di-lakukan kapada orang2 tanggungan itu.

.....

IKRAR TA'AT SETIA ORANG2 CHINA BRUNEI.

Pengerusi Dewan Perniagaan China, Brunei, Tuan Lim Boon Koon menyatakan bahawa orang2 China di-Brunei ada-lah ra'ayat yang ta'at setia kapada Duli Yang Maha Mulia. Mereka itu benchi kapada faham Komunis.

Penerangan Tuan Lim itu telah di-buat sa-bagai menjawab satu tuduhan dalam akhbar "Borneo Bulletin" keluaran hari Sabtu 22 November yang lalu bahawa sekolah2 China, bukan sahaja di-Borneo Utara bahkan di-Brunei dan Sarawak juga sedang di-pengaruhi oleh faham Komunis.

Sa-lanjut-nya Tuan Lim menegaskan, orang2 China telah tinggal di-negeri ini lebih dari 20 tahun. Mereka datang ka-sini kerana hendak tinggal dalam aman dan damai. Semenjak itu mereka telah ta'at setia kapada Duli Yang Maha Mulia dan menurut segala undang2 negeri ini.

Tuan Lim menyatakan bahawa Dewan Perniagaan China Brunei akan mengadakan satu meshuarat tidak lama lagi untuk membangkang tuduhan yang di-buat oleh akhbar Inggeris itu.

.....

ALLOWANCE BARANG2 PENUNTUT.

Bayaran allowance sa-hingga £20 Sterling (\$171) akan di-bayar kapada semua penuntut2 Kerajaan Brunei dan lain2 pegawai kerana barang2 yang di-bawa mereka balek dari United Kingdom atau Australia sa-telah menamatkan kursus.

Angka ini ia-lah bayaran yang sa-habis tinggi di-benarkan dan meliputi semua bayaran yang di-kenakan oleh sharikat2 kapal terbang dan kapal laut atas barang2 yang di-bawa atau di-kirim oleh penuntut2 atau pegawai2 kerajaan.

Sa-kira tuntutan bayaran atas barang2 itu kurang dari \$171, kerajaan akan membayar tuntutan yang kurang itu sahaja.

Penuntut2 dan pegawai2 kerajaan yang telah membayar bayaran barang tatkala mereka balek dari United Kingdom atau Australia sa-belum di-adakan peratoran ini ada-lah di-minta membuat tuntutan dengan segera.

.....

Dari muka hadapan.

Maha Mulia telah berfikir bahawa perlu wang Kerajaan yang berlebihan itu di-tanam di-negeri2 asing untuk mendapatkan faedah supaya darjah kehidupan dan kemudahan2 untuk ra'ayat tidak terganggu di-masa hadapan.

KOLEJ ISLAM BRUNEI

SA-BUAH Kolej Islam akan di-bena di-Brunei dalam tahun hadapan untuk memberi pelajaran agama yang lebih tinggi kepada anak2 Islam di-negeri ini.

Kolej itu akan di-dirikan di-kawasan yang berhampiran dengan Masjid Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei.

Kadhi Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Haji Mohamed Salleh bin Pengiran Haji Mohamed berkata bahawa bangunan Kolej itu akan memakan belanja hampir \$600,000 apabila siap kelak.

ia-nya akan mengikut bentuk masjid baharu itu dan akan mempunyai beberapa buah kubah yang di-sifatkan sa-bagai lambang bangunan Islam.

Kolej itu akan di-lengkapkan untuk menerima 200 orang penuntut. Mereka itu akan di-tempatkan di-rumah2 tumpangan yang akan di-dirikan di-kawasan kolej itu.

Padang permainan akan di-adakan supaya penuntut2-nya tidak ketinggalan dalam lapangan sukan dan gerakan badan seperti yang di-dapati di-lain2 sekolah di-Brunei.

× Dari muka 8.

Rancangan2 lain yang berkehendakkan bantuan wang dengan segera ia-lah rancangan membesarkan university di-Kuala Lumpur dan Radio Malaya yang dengan-nya kita berharap akan dapat menjaga dan meningkatkan taraf kebangsaan kita.

Pujian Sultan.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei telah mengeluarkan pujian yang tinggi terhadap chara2 pertadbiran dan perjalanan kerajaan kita dan Baginda telah menunjokkan keperchayaan-nya kepada kita dan kepada Kerajaan kita dengan meluluskan pinjaman ini.

Mesti-lah di-sedari bahawa sangat-lah merbahaya langkah memberi pinjaman wang yang sa-bagitu banyak kepada sa-sebuah Kerajaan yang berchorak demokratik seperti kita ini kerana harus pehak yang lain pada suatu masa kelak akan memegang teraju kerajaan negeri ini. Pinjaman yang di-beri kepada kita itu ada-lah menjadi bukti yang sangat menarik hati tentang bagaimana jiran kita itu mempunyai keperchayaan yang penuh terhadap kita. Sa-ratus juta ringgit bukanlah satu jumlah wang yang kecil, dan ia-nya lebih dari sa-tahun hasil yang di-perolehi oleh Negeri Brunei.

Selalu kita mendengar pada hari ini bahawa pinjaman2 ada-lah di-beri oleh negeri2 yang besar kepada negeri2 lain dengan mempunyai tujuan, sama ada kerana hendak menarik negeri itu masuk ka-dalam kumpulan mereka atau kerana satu2 faedah yang tertentu. Pinjaman dari negeri yang kecil yang kita akan perolehi ini sangat-lah berbeza. Pinjaman itu di-beri dengan segala suchi hati dan dengan perasaan yang muhibbah dengan tidak mengharapkan sa-barang faedah daripada-nya.

Bagi pehak kita pula kita akan menjalankan segala apa yang dapat untuk menolong negeri Brunei. Kita dapat memberi pertolongan dengan jalan melatehkan pegawai2 muda mereka di-dalam berbagai2 jabatan Kerajaan kita, memberi pengamalan2 kita dalam satu2 masa lah dan mengadakan bantuan2 teknikal dalam lapangan pertanian dan saloran ayer - sa-olah2 seperti Colombo Plan sa-chara kecil antara Malaya dengan Brunei.

Negeri Brunei berchita2 hendak mencapai kemajuan menurut garisan2 yang di-jalankan di-dalam sa-sebuah negeri Melayu yang maju di-sini. Negeri mereka ia-lah sa-buah negeri yang ra'ayat-nya hidup dengan bersuka ria, dan mereka memandang kepada Tanah Melayu sa-bagai contoh untuk mencapai kebahagiaan yang lebih lagi.

Pinjaman wang dari Brunei ini sangat kita junjong tinggi kerana dengan wang ini dapat-lah kita menjalankan segala rancangan2 yang telah tertahan di-sebabkan oleh kejatohan perniagaan dunia...."

BRUNEI BANTU PERSEKUTUAN TANAH MELAYU.

PADA 19 November yang lepas Kerajaan Brunei dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sa-rentak mengumumkan menerusi radio and akhbar sharat2 atas pinjaman wang sa-banyak \$100,000,000 daripada Brunei kepada Persekutuan Tanah Melayu.

Sharat2 itu telah di-umumkan supaya ra'ayat kedua buah negeri itu mengetahui bahawa pinjaman itu telah di-minta dan di-beri kerana kepentingan mereka.

Duli Yang Maha Mulia tatkala mengumumkan sharat2 atas pinjaman itu telah bertitah di-antara lain2:

"Pinjaman itu tidak di-beri semua-nya sa-kali, tetapi akan di-beri dalam tiga ansoran. Ansoran pertama, sa-banyak \$40,000,000 akan di-beri dalam bulan April 1959, ansoran kedua sa-banyak \$40,000,000 juga dalam bulan April 1960 dan ansoran ketiga dan penghabisan dalam bulan April 1961.

Kadar faedah.

Pinjaman itu akan di-bayar balek tiga puluh tahun dari tarikh satu2 ansoran itu, dan akan di-kenakan faedah atas kadar $3\frac{1}{2}$ peratus bagi lima belas tahun yang pertama dan sa-lepas itu $4\frac{1}{2}$ peratus. Pinjaman itu akan di-beri dengan wang Sterling dan di-bayar balek dengan wang Sterling.

Bagi pehak ra'ayat, beta sukachita kerana dapat menawarkan bantuan ini untuk kebahagiaan dan kema'moran ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu yang mempunyai banyak perkara2 yang sama dengan ra'ayat Negeri Brunei, bukan sahaja dari segi ugama, adat dan bahasa malahan dari segi kehidupan, chita2 dan tujuan kita.

Beta gembira mendengar daripada Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu bahawa pinjaman itu akan membantu Kerajaan-nya dalam melaksanakan ranchangan2 yang besar supaya bertambah kebahagiaan ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu. Beta do'akan segala kejayaan kapada mereka itu."

Bagi pehak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman telah menjunjung kaseh melalui radio sa-belum sharat2 itu di-umumkan kerana kemurahan hati Baginda hendak membantu Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan meminjamkan wang itu.

Ucapan Tengku.

Tengku Abdul Rahman di-antara lain2 telah berkata:

"Saya amat sukachita kerana dengan wang pinjaman ini dapat-lah kita menjalankan ranchangan2 yang dapat menghasilkan faedah dengan serta merta kapada kesemua orang di-merata2 kampung. Pinjaman ini tidak akan di-beri dengan sa-kali gus, tetapi akan di-keluarkan dengan chara beransor2 dalam beberapa tahun.

Sebab-nya kita memohon pinjaman itu ia-lah Kerajaan Persekutuan mempunyai banyak ranchangan2 yang mesti di-jalankan. Ranchangan2 ini ia-lah yang boleh mendatangkan faedah kapada orang2 miskin sekarang ini juga atau pun pada hari hadapan, ia-itu ranchangan2 kerana meluaskan dan membaiki kawasan2 kampung, meninggikan darjah kehidupan, mengawal kesejahteraan dan kesihatan orang ramai dan melindungi mereka daripada jatuh papa dan miskin dan terkena penyakit pada masa hadapan.

Ranchangan2 yang sa-umpama itu termasuk-lah kerja2 membuat jalan2 kampung dan jambatan, membuka tanah baharu menurut ranchangan2 kema-juan bagi ra'ayat yang tidak mempunyai tanah, mengadakan wang bagi bank2 kerana menolong perusahaan2 kampung, ranchangan2 baharu bagi perubatan, dan pada am-nya ranchangan2 yang boleh membawa kehidupan yang lebih baik bagi peladang2, pekebun2, nelayan2 buruh dan ahli2 perusahaan yang kecil.